

KERATAN AKHBAR



AKHBAR	..	SINAR HARIAN	
TARIKH	..	21/12/2019	MUKA SURAT : 15
JABATAN	..	IWK	
KLASIFIKASI	..	PERHATIAN	

Terengganu guna bil bersepadu

Bil air dan pembentungan mula dilaksanakan pada Januari 2020

SHAHRIZAL AHMAD ZAINI

KUALA LUMPUR

Terengganu mencatat sejarah apabila muncul negeri pertama di Semenanjung Malaysia bersetuju melaksanakan penggebilan bersepadu bagi bil air dan pembentungan.

Menteri Besar Terengganu, Datuk Seri Dr Ahmad Samsuri Mokhtar berkata, persetujuan berkenaan selaras dengan hasrat kerajaan negeri dalam merancang keperluan sumber air negeri untuk kegunaan semasa dan pada masa hadapan. Menurutnya, persetujuan



FOTO: ZAHID

Xavier (berdiri, tiga dari kiri) dan Ahmad Samsuri (berdiri, tiga dari kanan) menyaksikan permeteraian Perjanjian Bersama Penggebilan Bersepadu Perkhidmatan Air dan Pembentungan Terengganu di antara IWK dan Satu di Kuala Lumpur semalam.

itu dibuat dalam usaha meningkatkan kualiti perkhidmatan dalam memenuhi keperluan pengguna di Terengganu.

"Kerajaan negeri sentiasa menyokong pembangunan yang mampan dan seimbang dengan alam sekitar."

"Untuk kerajaan Pusat dan

Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN), kita memukadatkan agar industri air dan pembentungan melaksanakan penggebilan bersepadu antara Syarikat Air Terengganu Sdn Bhd (Satu) dengan Indah Water Konsortium (IWK)," katanya ketika berucap di Majlis Menan-

datangani Perjanjian Pelaksanaan Penggebilan Bersepadu di antara IWK dan Satu di Hotel Intercontinental di sini semalam. Majlis disempurnakan Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) IWK, Navendran Maniam dan CEO Satu, Ateman Sulong, itu disaksikan oleh Menteri Air,

Tanah dan Sumber Asli, Datuk Dr J Xavier.

Sementara itu, Ahmad Samsuri berkata, penggebilan bersepadu yang bakal dilaksanakan pada Januari 2020 bakal melibatkan sejumlah 20,661 akaun pelanggan khususnya premis yang menggunakan perkhidmatan pembentungan jenis bersambung.

Katanya, melalui bil bersepadu itu, pelanggan akan menerima bil bersepadu pertama mulai Mac 2020 mengikut kitaran semasa pembacaan meter.

"Bagaimanapun, bil bersepadu itu hanya melibatkan akaun air dan pembentungan sebanyak lima peratus daripada keseluruhan akaun air lain di seluruh Terengganu.

"Satu dan IWK juga merangka pelan peralihan efektif seperti sesi penerangan kepada pihak berkepentingan, wakil penduduk, media selain mempertingkatkan program komunikasi kepada pengguna," katanya.